

Khairy nafi nikah Maya Karin

Naib Ketua Pemuda Umno jawab tuduhan liar bertujuan burukkan peribadi

Oleh Mona Ahmad

KOTA BHARU: Naib Ketua Pemuda Umno, Khairy Jamaluddin, semalam menafikan dakwaan beliau sudah berkahwin dengan pelakon dan pengacara popular, Maya Karin.

"Cerita yang mengaitkan saya dengan Maya Karin itu fitnah. Demi Allah, saya tidak pernah beristeri dua.

"Isteri saya hanya seorang, Nori Abdullah. Saya berpegang kepada prinsip TTP (Tak Teringin Pun)," katanya disambut gelak ketawa perwakilan pada Persidangan Perwakilan Pemuda Umno Bahagian Pengkalan Chepa di sini.

Dalam ucapan perasmian persidangan itu, Khairy yang mengambil peluang menjelaskan pelbagai tohmahan yang dilemparkan kepadanya, berkata beliau tidak boleh lagi berdiam diri dan akan menjawab segala tuduhan termasuk khabar angin yang mengaitkannya dengan pelakon itu, yang tersebar sejak awal tahun ini.

"Mana-mana pihak yang menyatakan saya sudah berkahwin, cuba bagi bukti... tunjukkan sijil nikah," katanya pada persidangan, yang turut dihadiri Ketua Umno Bahagian itu. Datuk Dr Nik Mohd Zin Omar dan Ketua Pemuda negeri yang juga Ketua Pemuda Bahagian Pengkalan Chepa, Dali Hussin.

Pada sidang akhbar pula, Khairy menjelaskan serangan yang dilemparkan kepadanya begitu peribadi dan sebagai seorang yang bermaruah, fitnah itu perlu diperjelaskan segera terutama kepada anggota parti.

"Saya akan menggunakan peluang merasmikan lebih 30 mesyuarat bahagian Pemuda diseluruh negara untuk menjelaskan segala tohmahan itu dan kini masanya yang paling sesuai," katanya.

Khairy, yang juga menantu Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata selama ini beliau berdiam diri bukan kerana takut sebaliknya merasakan bukan masa yang sesuai untuk menjawab segala tuduhan itu.

"Mereka menyerang peribadi saya selepas gagal mencari kelemahan

Pak Lah. dan apa yang mereka buat kini menyerang menantunya, seolah-olah saya ini tidak patriotik lagi terhadap negara," katanya.

Khairy berkata jika beliau tidak menjelaskan segala tohmahan itu pada mesyuarat Pemuda, segala fitnah, itu akan dianggap benar oleh sesetengah pihak dan memberi peluang lebih banyak untuk memperbesarkannya lagi.

"Saya ada tanggungjawab kepada parti dan bila saya menjawab bukan bermakna saya mahu berperang, sebaliknya bertujuan menegakkan kebenaran," katanya.

Mengenai kritikan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad kononnya beliau banyak mempengaruhi Abdullah dalam membuat keputusan. Khairy berkata, sesiapa pun berhak membuat kritikan tetapi biarlah mereka mempunyai maklumat yang betul.

Beliau juga kecewa kerana segala penjelasan kerajaan terhadap isu yang dibangkitkan Dr Mahathir masih tidak memuaskan hati bekas Perdana Menteri itu sehingga kerajaan terpaksa mendedahkan beberapa dokumen sulit mengenai isu pembatalan pembinaan jambatan bagi menggantikan Tambak Johor.

"Kerajaan mengambil risiko mendedahkan beberapa dokumen itu dan perkara itu sepatutnya sudah selesai tetapi masih dibangkitkan," katanya.

Mengenai pendedahan syarikat yang mempunyai kepentingan Israel, Khairy berkata, pihaknya masih mengumpul maklumat berhubung perkara itu.

"Susah kerana banyak syarikat yang ada pemilikan dan pelabur yang menyokong Israel. Kita tidak boleh tuduh dengan begitu mudah, pada hal hanya seorang yang menyokong Israel. Kita perlu hati-hati," katanya.

Khairy turut mengakui terkejut apabila diberitahu seorang pemilik saham di syarikat tempat beliau bekerja, ECM Libra Berhad, turut dikatakan menyokong Israel.

"Saya baru dengar dan terkejut. Saya akan siasat syarikat ini... syarikat yang saya kerja.

"Saya difahamkan beliau adalah pemegang saham dalam Pantai Holdings Berhad yang selepas peng-



TANDA KENANGAN: Khairy bersalaman dengan Dr Nik Mohd Zin selepas merasmikan persidangan perwakilan Pemuda, Umno Bahagian Pengkalan Chepa, semalam.

gabungan dengan ECM Libra. Seeara tidak langsung dia adalah pemegang saham ECM Libra.

"Jadi kalau perlu ditanyakan soalan ini ialah kepada orang yang menjual Pantai kepada Parkway Holdings, Singapura," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau berkata, persidangan perwakilan semua Pemuda bahagian akan membincangkan isu kekejaman Israel terhadap Lubnan dan Palestin serta isu keadilan sejagat.

Ini, katanya, termasuk menggesa penstruktur semula sistem antarabangsa seperti Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) bagi membolehkan kuasa veto lima negara dimansuhkan.

Katanya, Pertubuhan Persidangan

"Cerita mengaitkan saya dengan Maya Karin itu fitnah. Saya tidak pernah beristeri dua, Isteri saya hanya seorang, Nori Abdullah. Saya berpegang kepada prinsip TTP (Tak teringin Pun)"

Khairy Jamaluddin
Naib Ketua Pemuda Umno

Islam (OIC) dan Pergerakan Negara Berkecuali (NAM) perlu bergabung dan membina satu blok bagi melemahkan kuasa besar sekali gus membawa perubahan dalam PBB.

Selain itu, beliau mencadangkan supaya tentera pengaman di bawah panji OIC dihantar ke Lubnan.

Sementara itu, ketika merasmikan Persidangan Pemuda Umno Bahagian Bachok, di Sekolah Menengah Teknik Bachok, Khairy menasihatkan orang Melayu terutama ahli Umno yang mendapat tawaran projek kerajaan tidak menjual surat tawaran kepada pihak lain.

Katanya, menerusi Rancangan Malaysia Kesembilan banyak projek Pembangunan dan kekayaan bakal diagihkan kepada Orang Melayu.